

# **Pembinaan Dan Penilaian Panduan Pengajaran Menggunakan Pendekatan Penyelesaian Masalah Bagi Mata Pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan**

Sarimah Binti Ismail & Norhayati Binti Hj Sarip @Sharif  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Panduan Pengajaran ialah bahan rujukan dan panduan untuk memudahkan pengajaran. Kajian ini mengaplikasi rekabentuk kajian deskriptif tinjauan bagi menilai keberkesanan tiga Panduan Pengajaran yang dibina bertajuk Pengenalan Pendekatan Penyelesaian Masalah bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan, Aplikasi Pendekatan Penyelesaian Masalah dalam Pengajaran Hidangan Barat dan Aplikasi Pendekatan Penyelesaian Masalah dalam Pengajaran Hidangan Melayu. Seramai lapan belas orang pensyarah yang berpengalaman mengajar mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan telah terlibat dalam penilaian bagi tiga Panduan Pengajaran yang dibina. Borang soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian terdiri daripada bahagian A yang mengandungi item berhubung latar belakang responden dan bahagian B mengandungi 20 item yang berhubung dengan pembolehubah kesesuaian struktur ayat, isi kandungan mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan, format, ilustrasi dan aplikasi pendekatan Penyelesaian Masalah. Data – data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 13.0 untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan, min dan nilai signifikan bagi ujian- T. Hasil kajian menunjukkan ketiga – tiga Panduan Pengajaran yang dibina adalah amat sesuai digunakan sebagai bahan rujukan untuk membantu pensyarah dalam pengajaran mereka bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengalaman mengajar penilai terhadap aspek dinilai iaitu kesesuaian struktur ayat, isi kandungan, aplikasi penggunaan pendekatan penyelesaian masalah, ilustrasi dan format bagi ketiga – tiga Panduan Pengajaran tersebut.

*Katakunci:* Panduan Pengajaran

## **Pengenalan**

Kaedah pengajaran menggunakan pendekatan Penyelesaian Masalah (PM) bukanlah merupakan satu pendekatan yang baru, malah ia telah lama digunakan sama ada di Malaysia atau di luar negara. Kaedah PM merupakan pendekatan yang kompleks untuk merangsang pembelajaran. Menurut Barrows, (1996), Boud & Faletti (1991) dan Savery & Duffy (2001), kaedah PM ini telah digunakan sebagai pendekatan pedagogi bermula dari tahun 1970. Pendekatan ini digunakan secara meluas bukan sahaja dalam bidang pendidikan tetapi turut digunakan dalam bidang perubatan, kejururawatan dan pertanian (Kenny, 2005). Tujuan kaedah ini diperkenalkan adalah untuk menggalakkan pelajar–pelajar melibatkan diri secara aktif dalam menghadapi situasi sebenar, meminta mereka mengenal pasti masalah dan mencari maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah tersebut.

## **Pernyataan Masalah**

Hasil daripada temuduga bersama Pensyarah Operasi Perkhidmatan Makanan di UTM, penyelidik mendapati bahawa penggunaan bahan bantu mengajar yang sedia ada seperti penggunaan buku teks, modul pengajaran sendiri, pengajaran terancang, bahan mautud, carta dan transparensi yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran di dalam mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan masih belum mencukupi untuk membantu pengajar menyampaikan isi pelajaran dengan lebih mudah dan berkesan untuk meningkatkan generik pelajar. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk membangunkan Panduan Pengajaran yang mengaplikasikan pendekatan Penyelesaian Masalah bagi mata pelajaran

Operasi Perkhidmatan Makanan. Ini untuk memudahkan pengajar menyampaikan isi pelajaran bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Membina tiga Panduan Pengajaran berdasarkan kaedah Penyelesaian Masalah bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan makanan bagi tajuk:
  - a. Panduan Pengajaran 1: Pengenalan pendekatan Penyelesaian Masalah dalam mata pelajaran Operasi Perkhidmatan makanan.
  - b. Panduan Pengajaran 2: Aplikasi pendekatan Penyelesaian Masalah dalam pengajaran Hidangan Barat.
  - c. Panduan Pengajaran 3 : Aplikasi pendekatan Penyelesaian Masalah dalam pengajaran Hidangan Melayu.
2. Menilai kesesuaian ketiga–tiga Panduan Pengajaran yang telah dibina bagi kegunaan pengajaran yang mengajar mata pelajaran Operasi Perkhidmatan makanan.
3. Membandingkan kesesuaian ketiga–tiga Panduan pengajaran yang telah dibina untuk pengajaran mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan merentas pengalaman mengajar penilai.

### **Skop Dan Batasan Kajian**

Fokus yang diberikan di dalam kajian ini adalah pembinaan tiga Panduan Pengajaran berdasarkan Pendekatan Penyelesaian Masalah bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan yang terdiri daripada tiga tajuk utama iaitu Panduan Pengajaran 1: Pengenalan pendekatan Penyelesaian Masalah bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan, Panduan Pengajaran 2: Aplikasi pendekatan Penyelesaian Masalah dalam pengajaran Hidangan Barat dan Panduan Pengajaran 3: Aplikasi pendekatan Penyelesaian Masalah dalam pengajaran Hidangan Melayu. Menilai kesesuaian ketiga–tiga Panduan Pengajaran yang telah dibina bagi penggunaan pengajaran mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan dan membandingkan kesesuaian ketiga–tiga Panduan pengajaran yang telah dibina untuk pengajar Operasi Perkhidmatan Makanan merentas pengalaman mengajar penilai.

Kumpulan sasaran terdiri daripada Pensyarah yang mengajar mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan di Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan (PTK) di Universiti Teknologi Malaysia, Jabatan Hospitaliti Politeknik Pasir Gudang, Jabatan Kulinari Kolej Komuniti Yayasan Pelajaran Johor dan Unit ERT Institut Perguruan Temenggung Ibrahim.

### **Metodologi**

#### **Populasi dan Sample Kajian**

Dalam kajian yang dijalankan sumber data diperolehi daripada sampel kajian seramai 18 orang. Walau bagaimanapun, dalam fasa yang berasingan seramai dua orang responden telah dipilih untuk terlibat dalam kajian rintis bagi membolehkan pengakuan pengesahan dibuat ke atas tiga Panduan Pengajaran yang dibina.

Kajian ini dijalankan di empat buah Institut Pengajian Tinggi di daerah Johor Bahru. Secara keseluruhannya, responden dipilih berdasarkan pengalaman mengajar. Mereka berpengalaman mengajar mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan di Institut Pengajian Tinggi masing – masing.

Dalam penilaian Panduan Pengajaran yang telah digunakan, responden yang terlibat akan menentukan tahap kesesuaian draf ketiga – tiga Panduan Pengajaran Operasi Perkhidmatan Makanan yang dibina sebagai bahan pengajaran dari aspek pendekatan penyelesaian masalah yang diguna pakai, struktur dan kandungan.

### **Instrumen Kajian**

Alat kajian yang diguna pakai oleh penyelidik merupakan borang soal selidik untuk mengumpul maklumat untuk menilai kesesuaian semua Panduan Pengajaran yang dibina berkaitan dengan pembolehubah yang dikaji. Instrumen kajian ini dibina sendiri oleh penyelidik di samping ada sebahagiannya diambil daripada penyelidik-penyelidik yang lepas. Namun bagi mendapatkan kesahan ujian, kajian rintis telah dijalankan.

Alat ukur yang akan digunakan adalah borang soal selidik yang mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

#### **Bahagian A – Demografi**

Bahagian ini mengandungi lima item yang berkaitan dengan maklumat latar belakang responden. Item-item tersebut merangkumi jantina, kelulusan akademik, pengkhususan, pengalaman mengajar dan tempat berkhidmat.

#### **Bahagian B**

Mengandungi 20 item yang berkaitan keseluruhan isi kandungan dan menyentuh semua aspek penting dalam pembinaan tiga Panduan Pengajaran Operasi Perkhidmatan Makanan.

#### **Bahagian C**

Mengandungi cadangan dan ulasan responden terhadap Panduan Pengajaran yang telah dibina oleh penyelidik.

#### **Keboleh Percayaan Soal Selidik**

Kajian rintis untuk menilai ketiga – tiga Panduan Pengajaran yang dibina berdasarkan item dalam borang soal selidik yang disediakan telah dilaksanakan dengan memilih dua orang responden yang terdiri daripada guru yang mengajar mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan di Sek. Men. Teknik Azizah dan Sek. Men Kangkar Pulai Johor. Penyelidik menyerahkan soal selidik berserta ketiga-tiga Panduan Pengajaran yang telah dibina.

Kajian rintis ini adalah bertujuan untuk menilai kebolehpercayaan item soal selidik yang dibina. Menurut Mohd Majid (1998), tiada batasan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan pekali kebolehpercayaan yang sesuai bagi sesuatu alat ukur, tetapi pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan. Berdasarkan kepada kenyataan tersebut, set soal selidik yang disediakan oleh penyelidik boleh digunakan dalam kajian ini kerana nilai pekali kebolehpercayaan yang diperolehi adalah tinggi dan melebihi dari 0.60.

Berdasarkan daripada kajian rintis yang telah dijalankan, cadangan dan ulasan yang diberikan oleh responden terhadap ketiga-tiga Panduan Pengajaran adalah seperti berikut:

i. Panduan Pengajaran adalah baik kerana penerangan di setiap Panduan Pengajaran tersebut jelas dibantu dengan penggunaan model penyelesaian masalah.

- ii. Penyelidik perlu meletakkan elemen perancangan belanjawan yang melibatkan kiraan kos semasa menyediakan senarai bahan mentah bagi setiap menu.
- iii. Penyelidik perlu menyatakan sebab utama mengapa memilih menu yang telah dicadangkan di dalam Panduan Pengajaran.
- iv. Hasil kajian rintis ini menyatakan kesesuaian Panduan Pengajaran ini sebagai bahan pengajaran di dalam Operasi Perkhidmatan Makanan.

## **Keputusan dan Perbincangan**

### **Struktur Ayat Yang Digunakan Dalam Panduan Pengajaran**

Berdasarkan daripada penganalisaan terhadap struktur ayat ini didapati tiga item yang dikemukakan dapat memberi gambaran tentang kesesuaian struktur ayat Panduan Pengajaran. Aspek-aspek yang dilihat adalah tentang arahan dan bahasa yang jelas dan mudah difahami.

Purata min bagi struktur ayat ketiga – tiga Panduan Pengajaran adalah berada di tahap yang tinggi. Ini menunjukkan semua responden bersetuju arahan dan bahasa yang digunakan di dalam ketiga – tiga Panduan Pengajaran ini jelas dan mudah difahami. Struktur ayat yang digunakan juga mempunyai tatabahasa Melayu yang betul. Berdasarkan dapatan ini juga menunjukkan struktur ayat yang digunakan di dalam Panduan Pengajaran ini bersesuaian.

Struktur ayat yang digunakan di dalam kajian ini meliputi aspek bahasa. Mohd Saidin (1999) menjelaskan ayat yang dapat menyampaikan maksud sebenar penulis merupakan ayat yang berkesan. Manakala menurut Satapah (2007) aspek bahasa meliputi kelancaran gaya bahasa, kejelasan pembacaan, penggunaan istilah, ejaan dan tanda baca, ketatabahasaan, keseragaman format, kesinambungan idea yang baik, retorik yang berkesan dan meyakinkan.

### **Isi Kandungan Yang Terkandung Dalam Panduan Pengajaran**

Berdasarkan daripada penganalisaan terhadap aspek isi kandungan ini didapati sembilan item yang dikemukakan dapat memberi gambaran tentang kesesuaian isi kandungan Panduan Pengajaran.

Purata min bagi kesesuaian isi kandungan Panduan Pengajaran 1: Pengenalan pendekatan Penyelesaian Masalah bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan adalah berada di tahap yang sederhana. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat responden mengatakan tidak pasti terhadap isi kandungan Panduan Pengajaran memenuhi sukatan pelajaran kerana sukatan Pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan di antara institusi pengajian tinggi adalah berbeza di antara satu sama lain. Justeru itu Isi kandungan Panduan Pengajaran ini perlu dibuat penambahbaikan dan dimantapkan lagi agar ia dapat digunakan di semua Institusi Pengajian Tinggi. Selain itu hasil kajian ini juga mendapati responden tidak pasti pendekatan Penyelesaian Masalah yang digunakan di dalam Panduan Pengajaran ini memudahkan penyampaian isi pengajaran. Ini adalah kerana terdapat 10 orang responden yang tidak mempunyai kelulusan akademik di dalam bidang pendidikan, Oleh itu mereka tidak begitu memahami pendekatan Penyelesaian Masalah secara menyeluruh. Hasil analisis bagi nilai min yang tertinggi di dalam Panduan Pengajaran 1 ini adalah item 9 di mana secara puratanya responden bersetuju Panduan Pengajaran yang dibina ini memudahkan pengajar menerangkan konsep dan isi kandungan pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan.

Hasil daripada dapatan kajian mendapati Purata min bagi kesesuaian isi kandungan Panduan Pengajaran 2: Aplikasi Pendekatan Penyelesaian Masalah dalam pengajaran Hidangan Barat adalah berada di tahap yang tinggi. Hasil analisis bagi nilai min yang tertinggi adalah terdiri daripada item 7, 8 dan 9 di mana semua responden ini bersetuju Panduan Pengajaran ini meliputi aktiviti teori dan amali. Responden juga

bersetuju Panduan pengajaran Hidangan Barat ini dapat membantu pengajar mengaplikasikan pengetahuan sedia ada dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu Panduan Pengajaran ini memudahkan pengajar menerangkan konsep dan isi kandungan pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan. Manakala min yang terendah bagi Panduan Pengajaran 2 ini adalah bagi item 6 di mana responden tidak pasti Panduan Pengajaran 2 ini mempunyai pelbagai aras yang sesuai untuk pelajar di institut pengajian tinggi. Ini adalah kerana institusi pengajian tinggi yang menjadi sampel di dalam kajian ini mempunyai pelbagai peringkat pengajian sama ada di peringkat sijil, diploma dan ijazah. Justeru itu Panduan Pengajaran ini tidak dapat digunakan oleh semua peringkat. Namun begitu Panduan pengajaran ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan semasa mengendalikan mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan.

Hasil analisis mendapati Purata min bagi kesesuaian isi kandungan Panduan Pengajaran 3: Aplikasi Pendekatan Penyelesaian Masalah dalam pengajaran Hidangan Melayu adalah berada di tahap sederhana. Min tertinggi adalah item 8 di mana kesemua responden bersetuju Panduan Pengajaran 3 yang dibina dapat membantu pengajar mengaplikasikan pengetahuan sedia ada di dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala min yang terendah pula adalah bagi item 5 di mana sebanyak secara puratanya responden tidak pasti sama ada isi kandungan Panduan Pengajaran memenuhi keperluan sukatan pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan. Ini adalah kerana kurikulum bagi mata Pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan di antara institusi pengajian tinggi adalah berbeza di antara satu sama lain. Bagi Politeknik dan Kolej Komuniti Yayasan Pelajaran Johor mereka menyediakan pelajar di peringkat diploma dan sijil. Sasaran utama mereka adalah mengeluarkan pelajar yang akan bekerja di sektor perhotelan dan swasta. Ini menyebabkan kurikulum mereka lebih menekankan kerja – kerja amali. Bagi Universiti Teknologi Malaysia dan Institut Perguruan Temenggong Ibrahim, pelajar – pelajar terdiri daripada mereka yang belajar di peringkat sarjana muda dan lepasan ijazah. Sasaran utama mereka adalah mengeluarkan pelajar yang akan bekerja di dalam bidang pendidikan. Justeru itu penekanan kurikulum mereka lebih kepada teori dan amali di samping penerapan pendekatan pengajaran yang akan digunakan di sekolah semasa mengajar mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan.

Menurut Satapah (2007), aspek isi kandungan di nilai meliputi keaslian karya bukan terjemahan atau saduran. Penemuan baru sama ada prinsip, kaedah atau ciptaan turut ditekankan. Menerusi isi kandungan juga penilaian dibuat menerusi pendekatan baru yang digunakan oleh penulis, sumbangan ilmu di dalam bidang Operasi perkhidmatan makanan, ketepatan fakta yang selaras dengan sukatan pelajaran dan menentukan sama ada penulis membuat plagiat terhadap sumber – sumber tertentu yang telah diterbitkan. Penulis juga perlu mengemukakan bukti tentang sesuatu yang ditulis bukan spekulasi semata – mata melalui bahan rujukan yang tepat. Selain itu maklumat isi pelajaran perlu disampaikan secara konsisten, logik, betul dan tepat.

## **Rumusan**

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan ketiga – tiga Panduan Pengajaran yang dibina menggunakan pendekatan Penyelesaian Masalah dan berada di tahap yang tinggi, ini menunjukkan Panduan Pengajaran ini sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan.

Berdasarkan analisis Ujian t yang di buat pada persoalan kajian dua, dapatan hasil keseluruhannya mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara status kesesuaian dalam Penilaian oleh penilai dengan faktor pengalaman mengajar bagi Panduan Pengajaran 1 dan 3 manakala terdapat perbezaan yang signifikan antara status kesesuaian aplikasi pendekatan penyelesaian masalah dalam Penilaian oleh penilai dengan faktor pengalaman bagi Panduan Pengajaran 2.

Secara keseluruhannya, berdasarkan dapatan hasil keseluruhan kajian penyelidik mendapati Panduan Pengajaran sesuai dijadikan bahan pengajaran dan faktor pengalaman tidak mempengaruhi penilaian penilai terhadap Panduan Pengajaran tersebut.

## **Rujukan**

- Abdul Rashid Johar (1980). *Prinsip – Prinsip Asas Pengukuran Dan Penilaian Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur. Moden Akademik.
- Aishah Hamzah (1989). *Teknologi dan Perkhidmatan Katering*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakariya dan Fawziah Yahya (2005). *Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Profesional.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Boud D. & Faletti, G. (1991). *The Challenge of Problem Based Learning*. London: Kogan Page.
- Carpenter Jason D. (2006). *A Master's Project : Using Problem Based Learning to Improve the Teaching of the Legislative Branch in an American Government Class*.
- Clanssen, Thomas, H. (1999). *An Evaluation Of Technological Assessment Concept Taught In Introductory Technology Education Class Of Selected Kansas Secondary School*. Kansas States University. Tesis Ph.D, Proquest Digital Dissertation.
- Ee Ah Meng (1999). *Siri Diploma Perguruan: Pendidikan di Malaysia, Falsafah Pendidikan Guru dan Sekolah*. Edisi Kedua. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Hitchcock, MA, Anderson, AS (1997). *Dealing with dysfunctional tutorial groups*. Teaching and Learning in Medicine; 9(1):19-24.
- John Arul Philips (1997). *Pengajaran Kemahiran Berfikir, Teori dan Amalan*. Selangor: Utusan Publications and Distributors.
- Kamariah binti Shahland, Rozita binti Shahid dan Nawawi bin Mohd. Jan (2005). *Modul Pembelajaran Aliran Vokasional Penyediaan Masakan Barat dan Timur Tingkatan 4 dan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenny Richard F. (2005). *Online Problem Based Learning: Panacea or Problematic*. Athabasca University
- Khalid Mohamed Nor (1993). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd.
- Lee Ming Foong (2002). *Kaedah Penyelesaian Masalah Lukisan Kejuruteraan Dalam Topik Pandangan Tambahan Berdasarkan Pelbagai Personaliti Dan Gaya Pembelajaran Pelajar*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional: Universiti Teknologi Malaysia..

- Lesh, R. Dan Zawojewski, J.S (1992) *Problem Solving*. Dalam. Thomas R. Post (Ed). *Teaching Mathematics in Grades K-8, Research – Base Methods*, Second Edition. Boston: Allyn and Bacon.
- Lester, F., Garofalo, J., dan Kroll, D. (1989). *The Role Of Metacognition in Mathematical Problem Solving: A Study of Two Grade Seven Classes*. Final Report to the National Science Foundation of NSF Project MDR 85 – 50346.
- Lochhead, J., (1991). Making Math Mean. Dlm. Earnst Von Glasersfeld (Ed.), *Radical Constructivism in Mathematics Education*. Dordrecht, Netherlands: Kluwer Academic Publishers.
- Mansor bin Hj Harun (2003). *Penggunaan Kaedah Penyelesaian Masalah Secara Kreatif Dalam Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 di Daerah Pontian dan Johor Bahru*. Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Jentera).